



Utusan Malaysia - Tidak Ambil Alih Hutang 1MDB

🕒 Jumaat, Mac 17 2017



Walaupun surat jaminan dikeluarkan kerajaan

Tidak ambil alih hutang 1MDB

UM 17/3

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 16 MAC

KEMENTERIAN Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) tidak mengambil alih hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) walaupun surat sokongan dan jaminan dikeluarkan oleh kerajaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, hutang 1MDB adalah perkara berbeza dengan hutang operasi Bandar Malaysia Sdn. Bhd. (BMSB) dan TRX City Sdn. Bhd. (TRXC) yang merupakan sebahagian daripada aset dan liabiliti syarikat-syarikat terbabit.

“Muka surat 81 dalam Laporan PAC (Jawatankuasa Kira-Kira Wang

Negara) menjelaskan bahawa hutang yang akan kekal dalam penyata imbangan 1MDB adalah sukuk RM5 bilion, bon AS\$3 bilion (RM13.31 bilion) dan bon 2x AS\$1.7 bilion (RM7.76 bilion).

“Hutang 1MDB itu akan dibayar menerusi aliran tunai yang diselaraskan, sebagaimana dinyatakan dalam Laporan PAC berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Johari mengulas kenyataan Ahli Parlimen DAP, Petaling Jaya Utara, Tony Pua yang disifatkan-nya memutar-belitkan fakta apabila mendakwa Putrajaya ‘me-



JOHARI ABDUL GHANI

nyelamatkan 1MDB’ dengan pengambil-alihan hutang RM3.2 bilion.

Menurut Johari, 1MDB sebelum ini memiliki tanah Bandar Malaysia dan TRX menerusi pemilikan ekuiti sebanyak 100 peratus dalam BMSB dan TRXC.

Jelas beliau, sebagaimana dinyatakan pada April 2016, PAC telah menyarankan MOF Inc. untuk mengambil alih tanah dimiliki 1MDB di Bandar Malaysia dan TRX berkenaan.

“Cara paling efektif untuk mencapai ini adalah menerusi pemindahan pegangan saham BMSB dan TRXC kepada MOF Inc.

“Jadi, daripada memiliki syarikat-syarikat ini menerusi 1MDB, MOF Inc. memilih untuk terus memiliki BMSB dan TRXC serta aset dan hutang operasinya,” katanya yang memberitahu hutang terbabit akan dijelaskan menerusi aliran tunai masa hadapan sebagaimana dinyatakan dalam muka surat 81 Laporan PAC.

Katanya, TRXC dan BMSB masing-masing mengambil hutang sebanyak RM800 juta dan RM2.4 juta untuk projek-projek infrastruktur yang dapat meningkatkan lagi nilai tanah dimiliki.

Beliau memberitahu, meskipun TRXC akan terus dimiliki 100 peratus oleh MOF Inc., perjanjian telah dilaksanakan untuk penjualan 60 peratus ekuiti dalam BMSB dengan sebuah konsortium.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

